

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [JULAU]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan yang boleh mempengaruhi keluaran sekolah melihat kepada sektor pertanian adalah merupakan salah satu bidang kerjaya yang boleh menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan tindakan yang boleh mempengaruhi keluaran sekolah antaranya menerapkan konsep keusahawanan dalam pendidikan pertanian bagi membolehkan pelajar melihat bidang pertanian adalah satu peluang untuk mereka berkecimpung dan membina kerjaya dalam industri ini. Melihat kepada keperluan ini, pendidikan pertanian telah dilaksanakan di empat buah Kolej Vokasional iaitu di Kolej Vokasional Rembau, Negeri Sembilan, Kolej Vokasional Teluk Intan, Perak, Kolej Vokasional Chenor, Pahang dan Kolej Vokasional Lahad Datu, Sabah. Dalam masa yang sama terdapat 480 buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran elektif Sains Pertanian bagi tingkatan 4 dan 5 di mana pelajar aliran Sains Tulen dan Sains Teknikal mengambil mata pelajaran ini.

Untuk makluman ahli yang berhormat, kurikulum sains pertanian sedang dibuat semakan dengan memasukkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan

memberikan tumpuan kepada bidang usaha yang berdaya saing yang memenuhi permintaan semasa industri pertanian.

Pihak KPM juga telah menggalakkan guru dan pelajar menghasilkan inovasi PdP bagi menjadikan pembelajaran ini menarik. Ini terbukti dengan penyertaan guru dan pelajar dalam menghasilkan beberapa inovasi dalam mata pelajaran ini dan seterusnya mencungkil potensi pelajar untuk menyediakan mereka di alam pekerjaan.

Buat masa ini, Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kerjasama KPM sedang merangka untuk mewujudkan program Agropreneur Muda di beberapa buah sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian untuk membolehkan pelajar lepasan sekolah menceburkan diri dalam bidang pertanian. Pihak KPM juga telah dan sedang mengadakan kerjasama antara pihak sekolah dengan agensi-agensi pertanian seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan sebagainya supaya input-input semasa disalurkan kepada pelajar.

Rjm119